

Tema 1**Keluarga Tercinta**

Buku Teks (m.s. 2 ~ 16)

Bahagian A**Tatabahasa****Soalan 1 dan 2***Pilih jawapan yang paling sesuai.*

1. Bapa Zakwan doktor pakar jantung. Dia telah berkhidmat di _____ selama sepuluh tahun.
 - A Institut Jantung Negara
 - B Universiti Teknologi MARA
 - C Bank Simpanan Nasional
 - D Menara Berkembar Petronas

2. Kakak menghamparkan se_____ permaidani baharu yang diimport dari Turki.
 - A biji
 - B papan
 - C gelung
 - D bidang

Soalan 3*Pilih ayat yang betul.*

3.
 - A Ali dari ke pasar membeli ikan segar.
 - B Buku itu dipinjam daripada perpustakaan oleh Sarah.
 - C Ibu telah memasak lauk yang sedap semalam.
 - D Saya akan ke perpustakaan besok untuk belajar.



Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BUAT AYAH BONDA

Di teratak kecil itu kami dibesarkan
Kami diberikan pendidikan
Kami diberikan kasih sayang
Agar kami menjadi insan berguna.

Ayah bonda kami menyaksikan
Segala penat lelah dan pengorbanan
Demi tanggungjawab
Walaupun diri dalam kesusahan.

Bahagiaanya kami
Ayah bonda sentiasa di sisi
Kata-kata serta nasihat
Kami sedia patuh dan taat.

Manisnya wajah ayah bonda
Saat kami menghadiahkan
Buah tangan kejayaan
Bukti kesusahan bukan halangan.

Terima kasih ayah bonda
Doa dan restu kami perlukan
Janji kami menjaga nama baik
Menjadi kebanggaan semua.

4. Berdasarkan sajak di atas, "kami" merujuk kepada
 - A ayah dan bonda penulis.
 - B penulis dan adik-beradik.
 - C datuk dan nenek penulis.
 - D penulis dan rakan-rakan.
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A Anak-anak hanya diberikan kasih sayang tanpa pendidikan.
 - B Ayah bonda sentiasa berada di sisi ketika anak-anak memerlukan.
 - C Anak-anak tidak pernah menghargai pengorbanan ayah bonda.
 - D Pengorbanan ayah bonda tidak diperlukan dalam kehidupan anak-anak.
6. Berikut ialah pernyataan yang **benar** tentang petikan, *kecuali*
 - A keluarga penulis hidup dalam kemewahan.
 - B penulis berjanji akan menjaga nama baik keluarga.
 - C kesusahan tidak menjadi halangan untuk penulis berjaya.
 - D "kami" merupakan anak-anak yang patuh dan taat kepada ibu bapa.

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

PERTANDINGAN RUMAH IDAMAN BERTEMAKAN "RUMAHKU SYURGA"

Anjuran: Persatuan Penduduk Taman Mewah Jaya

Objektif: Memupuk semangat kerjasama dalam keluarga untuk memastikan rumah yang didiami sentiasa dalam keadaan bersih dan ceria

Syarat-syarat:

- ✓ Terbuka kepada penduduk Taman Mewah Jaya
- ✓ Menekankan *aspek* kebersihan, kekemasan dan keceriaan di luar dan di dalam rumah
- ✓ Setiap peserta mesti melabelkan ruang dalam rumah seperti ruang makan, ruang tamu, ruang tidur dan sebagainya

Hadiah menarik:

Johan

Wang tunai bernilai RM1000 berserta hamper

Naib Johan

Wang tunai berjumlah RM500 berserta hamper

Ketiga

Wang tunai berjumlah RM300 berserta hamper

Tarikh penilaian: 22 hingga 29 Mei 202_

Rumah idaman cantik berseri;
Keluarga tercinta menjadi penyeri.

Imbas kod QR untuk mendapatkan
borang penyertaan.



BAHAN 2

Imran: Ayah, tahun ini saya cadangkan supaya kita sertai Pertandingan Rumah Idaman.

Ayah : Sebenarnya ayah dan ibu sudah pun berbincang tentang hal ini. Kami sepakat untuk menyertai pertandingan ini. Hujung minggu ini kita mulakan operasi.

Dania : Betulkah, ayah? Wah, seronoknya! Saya dan abang berjanji akan menjayakan misi untuk menjadikan rumah kita sebuah rumah idaman. Kita perlu tekankan *aspek* kebersihan, kekemasan dan keceriaan rumah kita.

Ibu : Baguslah begitu. Ibu suka dengan semangat kamu. Jangan lupa labelkan ruang rumah untuk memudahkan proses penjurian nanti.

Imran dan Dania mengangguk-angguk tanda faham dan bersemangat untuk menyertai pertandingan tersebut.

7. Tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah untuk
- A meningkatkan semangat persaingan dalam kalangan penduduk Taman Mewah Jaya.
 - B menanamkan semangat bekerjasama dalam keluarga untuk menjaga kebersihan rumah.
 - C memberi peluang kepada penduduk memenangi hadiah wang tunai dan hamper.
 - D menggalakkan penduduk menghias rumah mereka dengan perabot baru.

8. Kita perlu tekankan aspek kebersihan, kekemasan dan keceriaan rumah kita.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A biji.
 - B butir.
 - C buah.
 - D bungkus.
9. Perkataan *aspek* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A sudut.
 - B impak.
 - C tujuan.
 - D faedah.
10. Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**.
- A Dania merupakan kakak kepada Imran.
 - B Keluarga Imran tinggal di Taman Mewah Jaya.
 - C Pemenang tempat pertama akan mendapat hadiah wang tunai bernilai RM500.
 - D Pertandingan menekankan aspek kebersihan, kekemasan dan keceriaan di dalam rumah sahaja.

 Bahagian B

Pemahaman Petikan dan Tatabahasa

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak kini semakin mencabar. Mereka perlu memastikan anak-anak mendapat didikan yang baik serta pendidikan formal di sekolah. Nilai murni dan agama juga penting untuk membentuk anak-anak supaya dapat menilai perkara yang baik dan perkara yang buruk.

Perkembangan dunia komunikasi dan teknologi kini banyak membantu dalam memudahkan kerja harian. Oleh itu, ibu bapa harus memantau anak-anak semasa menggunakan telefon pintar agar mereka dapat memanfaatkan teknologi sebaik-baiknya.

I. (a) Ibu bapa perlu memastikan anak-anak mendapat _____

(b) Mengapakah anak-anak perlu diberikan didikan agama dan nilai murni yang sewajarnya?

- (c) *Bulatkan satu kata ganti nama yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Mereka perlu memastikan anak-anak mendapat didikan yang baik serta pendidikan formal di sekolah.

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Ibu bapa harus memantau anak-anak semasa menggunakan telefon pintar agar mereka dapat memanfaatkan teknologi dengan sebaik-baiknya.

Anak-anak harus dipantau oleh ibu bapa semasa menggunakan telefon pintar agar mereka dapat memanfaatkan teknologi dengan sebaik-baiknya.	
Mereka dapat memanfaatkannya dengan sebaiknya semasa menggunakan telefon pintar dengan pemantauan anak-anak.	

Bahagian B: Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Setelah penat menyapu sampah, kamu hendak duduk berehat di anjung. Ketika kamu hendak duduk, nenek keluar untuk menyiram pokok bunga di halaman rumah.

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang harus kamu lakukan?

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Grafik di bawah menunjukkan tentang aktiviti berbasikal.

Tuliskan pendapat kamu tentang kebaikan aktiviti berbasikal.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.


